

08/01/1997

Canangkan kemampuan diri

KITA sering memperkatakan soal nilai masyarakat Timur. Kita bangga kerana ketinggian nilai masyarakat kita disanjung masyarakat dunia. Disebabkan sentiasa menganggap nilai hidup kita paling berharga, kita lupa membuat penilaian semula terhadap nilai-nilai yang memerlukan perubahan. Sebagaimana budaya usang, nilai hidup juga tidak sepi daripada menerima kesan perubahan. Nilai merendah diri, mungkin sifat yang dianggap mulia tetapi ia juga perlu bersesuaian dengan tempat dan ketikanya. Ada kalanya kita perlu menonjolkan diri, mengaku kita boleh dan mampu melakukan apa saja. Semua ini kerana kita mahu mengubah status kita, supaya lebih dihormati. Kita bukan saja dihormati kerana nilai dalaman yang baik, malah nilai kerja kita mendapat sanjungan. Namun, semua ini perlulah dilengkapi dengan bukti, supaya tidak dianggap meninggi diri.

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang mahu syarikat dan organisasi tempatan menganggap diri mereka bertaraf dunia, bukannya organisasi yang masih dilindungi dan hanya beroperasi di Malaysia, membuka satu ruang untuk perdebatan, khususnya dalam membincangkan soal nilai. Umumnya, kita andaikan Dr Mahathir mengajak masyarakat perniagaan supaya berganjak daripada bersikap merendah diri kepada penonjolan diri. Kita percaya tidak ada alasan bagi setiap kita menganggap saranan itu sebagai satu amalan negatif kerana apa yang cuba disarankan ialah semata-mata untuk mengubah nilai pesimis masyarakat kepada nilai aktif.

Hari ini kita kenal dengan syarikat-syarikat ternama dari Jepun, Korea, Amerika Syarikat, Britain, Itali dan sebagainya. Jika syarikat itu mengeluarkan produk tertentu, jenama keluaran syarikat itu diiktiraf di mana-mana. Tanpa memerlukan terlalu banyak persoalan, kita sudah yakin dengan keluarannya. Jika ia syarikat kontraktor binaan, kerja pembinaan yang dilakukan, memuaskan hati setiap pelanggan. Jika ia syarikat barangan elektronik, setiap keluarannya adalah antara yang terbaik. Mereka mempunyai rangkaian perniagaan di seluruh dunia. Nama mereka digeruni bukan saja kerana mengeluarkan produk yang bermutu, paling penting syarikat mereka sudah menempa nama di seluruh dunia. Soalnya, apakah kita hanya mampu mendengar kejayaan syarikat lain sedangkan kita juga mampu melakukannya?

Misi lawatan pemimpin negara sering disertai ahli-ahli perniagaan. Kesempatan ini perlu diambil untuk memperkenalkan syarikat dan produk mereka. Tidak guna juga kita menganjurkan pelbagai pameran bertaraf antarabangsa jika sekadar mempamerkan keluaran negara asing, sedangkan syarikat kita gagal mempromosikan keluaran mereka.

Untuk meyakinkan masyarakat antarabangsa mengenai kemampuan syarikat Malaysia, kita perlu menonjolkan diri kita. Memang sudah ada syarikat negara ini yang mengembangkan sayap perniagaan di negara lain. Mereka bukan saja mampu mengambil alih pengurusan syarikat terkemuka di sesebuah negara industri malah, syarikat Malaysia juga menjalankan perniagaan atau mendapat tender pelbagai projek besar di merata-rata tempat. Cuma, bilangan syarikat yang sanggup berbuat demikian, masih terhad.

Kita percaya kemampuan syarikat Malaysia ini perlu dicanangkan ke seluruh dunia bagi meningkatkan keyakinan global mengenai kewibawaan syarikat Malaysia.

Syarikat yang sudah menempa nama di kalangan masyarakat perniagaan juga perlu mengetengahkan syarikat lain yang berpotensi supaya kedudukan mereka

sebaris dengan nama-nama syarikat besar di dunia. Kita mahu apabila syarikat atau organisasi Malaysia memohon untuk mendapatkan tender projek yang besar, tidak ada pihak yang meragui kebolehan kita.

Bagi sesetengah syarikat besar, mereka perlu keluar daripada imej syarikat yang dilindungi kerajaan. Pengurusan syarikat sepatutnya membuktikan kejayaan mereka adalah berdasarkan rekod pencapaian, modal yang besar, hasil kerja dan mutu dan produk terbaik yang mereka keluarkan, bukan sokongan mana-mana pihak. Syarikat seperti ini secara langsung akan menaikkan nama negara. Bagi syarikat yang baru bertapak, kita yakin mereka masih memerlukan bantuan. Perlindungan yang diberikan kepada mereka tidak seharusnya berpanjangan. Ia hanya melambangkan syarikat berkenaan tidak berkembang dan tidak boleh tergolong dalam syarikat yang berdikari.

(END)